

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 24 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1411-MQT0009  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah segera Kementerian dalam mengawal selia pusat asuhan kanak-kanak termasuk yang di rumah persendirian agar tragedi penderaan seperti yang dialami Allahyarham Adam Rayqal tidak berulang lagi .
  
2. PR-1411-MQT0010  
**Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha yang diambil bagi memastikan bekalan ternakan hidup mencukupi sebagai persediaan bagi menyambut Hari Raya Aidil Adha.
  
3. PR-1411-MQT0007  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan dapat memastikan kedudukan agama Islam terjamin kemuliaannya bersesuaian dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Islam adalah agama Persekutuan.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 24 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1411-L00100  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan untuk menyelesaikan projek Rancangan Tebatan Banjir di daerah Kota Setar, Kedah yang telah lama tertangguh.
  
2. PR-1411-L00447  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah dasar-dasar baru diperkenalkan oleh Kementerian untuk meningkatkan taraf ekonomi wanita di luar bandar .
  
3. PR-1411-L00341  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan sekiranya syarikat luar mengambil alih syarikat tempatan dan mereka tidak mahu mengambil pekerja tempatan.
  
4. PR-1411-L00720  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh lima orang individu Majlis Penasihat Kerajaan lantikan Perdana Menteri serta apakah jenis pembaharuan yang berjaya dibawa dalam pentadbiran Kerajaan khususnya bagi tujuan sistem penyampaian atau '*delivery system*'.

5. PR-1411-L01390  
**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Kerajaan mengkaji semula penggunaan jajaran FR5 untuk penyambungan lebuh raya tanpa tol dan mahu pihak LLM dan konsesi menggunakan jajaran asal tanpa menggunakan jalan Persekutuan.
6. PR-1411-L00973  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah persediaan jangka panjang yang dilakukan oleh Malaysia untuk memastikan pasukan badminton negara dapat merangkul semula Piala Thomas setelah memenangnya buat kali terakhir pada tahun 1992.
7. PR-1411-L00855  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan langkah yang akan diambil Kementerian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur, khususnya di sekitar lebuh raya NPE, Jalan Bangsar, Kerinchi dan Pantai Dalam di Lembah Pantai.
8. PR-1411-L00746  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam membaik pulih jaringan telekomunikasi kawasan luar bandar agar ianya seimbang dengan kawasan bandar.
9. PR-1411-L01044  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian akan mewujudkan jawatankuasa khas untuk menyemak kembali draf TN50 khususnya terhadap perkara yang berkaitan dengan pembangunan anak muda di masa akan datang.
10. PR-1411-L01265  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) mengikut negeri. Berapakah jumlah pelajar di setiap SBP dan MRSM mengikut kaum di seluruh negara.

11. PR-1411-L00567  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah pembinaan menara telekomunikasi di kawasan Parlimen Tenom dan apakah inisiatif Kementerian untuk memastikan kawasan Tenom terutama mereka yang tinggal di kawasan luar bandar iaitu di daerah Kemabong menikmati jalur lebar dan merasai dunia internet.
12. PR-1411-L00062  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menstabilkan harga minyak sawit yang semakin menurun buat masa ini.
13. PR-1411-L00653  
**Tuan Wong Tack [ Bentong ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan terperinci berkenaan perkembangan EIA (Environmental Impact Assessment) bagi projek Malaysia-China Kuantan Industrial Park.
14. PR-1411-L00501  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah bentuk program yang akan dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup orang Melayu seperti mana dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini.
15. PR-1411-L01300  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mempertimbangkan keperluan untuk membina satu Poliklinik baru di Sibü, terutamanya di kawasan bandar kerana Poliklinik yang sedia ada tidak lagi mampu untuk menampung pesakit. Apakah kriteria yang dikehendaki untuk pembinaan Poliklinik baru.
16. PR-1411-L00709  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap penggunaan Bahasa Melayu di universiti awam dan swasta.
17. PR-1411-L00490  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula projek-projek mega di Sarawak termasuk Pan Borneo Highway dan jika ada penyelewengan dalam pelaksanaan projek tersebut sehingga kini. Berapakah peruntukan yang sudah disalurkan sehingga kini ke kontraktor-kontraktor yang terlibat termasuk "*main-con*" Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBU).

18. PR-1411-L00199  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan langkah Kerajaan menyifarkan kutipan GST ke atas kutipan hasil Kerajaan, kehidupan rakyat dan sektor perdagangan dan industri keseluruhannya, bagaimanakah Kerajaan menampung kekurangan hasil negara bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan .
19. PR-1411-L00030  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penjimatan kos dan faedah pembubaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan penggantiannya dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
20. PR-1411-L00888  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan perancangan Kerajaan Persekutuan baharu bagi memastikan manifesto Pakatan Harapan khususnya dalam menjamin kewujudan peluang pekerjaan sebanyak 100,000 yang bergaji RM2500 ke atas akan direalisasikan di negeri Sabah.
21. PR-1411-L00608  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rangka strategik yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi membanteras pendatang asing tanpa izin (PATI) yang semakin berleluasa.
22. PR-1411-L00803  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian Kementerian untuk melaksanakan dasar keterbukaan kos pembelian ubat Kerajaan, serta dasar ketelusan kos penyelidikan dan pembangunan syarikat farmaseutikal.
23. PR-1411-L01139  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah benar wujudnya penyelewengan dalam pemberian bayaran sara hidup nelayan RM300 sebulan apabila mereka yang bukan nelayan memperolehi sara hidup terbabit dan adakah Kementerian bercadang untuk memberi bayaran yang sama kepada para petani khususnya penanam padi.

24. PR-1411-L00622  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan nilai komersial produk inovasi institusi TVET sehingga 2017, dan usaha sama agensi Kerajaan serta Kementerian untuk memantapkan hasil inovasi di institusi TVET pelbagai peringkat.
25. PR-1411-L01126  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar hutang negara dan jalan penjelasan untuk pembayaran hutang tersebut.
26. PR-1411-L00532  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan terhadap kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan judi dan riba.
27. PR-1411-L01200  
**Puan Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian bagi merombak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) agar Orang Asli diberi keupayaan untuk memperbaiki kehidupan mereka serta langkah-langkah efektif bagi membela hak komuniti Orang Asli seperti yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan.
28. PR-1411-L00322  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah PTPTN akan dihapuskan sebagaimana manifesto PAKATAN HARAPAN dan apakah mekanisme yang akan Kementerian gunakan untuk menggantikan PTPTN.
29. PR-1411-L00512  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan polisi/garis panduan pihak Kerajaan meluluskan status bermastautin tetap dan kerakyatan selepas seseorang itu telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia.
30. PR-1411-L00935  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peranan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang terkini setelah diubah daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

31. PR-1411-L00251  
**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan komitmen Malaysia dalam "*Paris Agreement*".
32. PR-1411-L01321  
**Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kegiatan haram menangkap ikan di kawasan perairan Sarawak oleh nelayan asing yang tidak berlesen semakin berleluasa di kawasan perairan Miri, Sarawak. Kegiatan haram ini akan membelenggu industri perikanan laut di perairan Sarawak . Nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi gejala haram nelayan asing yang mencerobohi kawasan perairan Miri.
33. PR-1411-L00602  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah bantuan bulanan kepada nelayan akan diteruskan di bawah pentadbiran Kerajaan baharu dan apakah jaminan pihak Kerajaan bantuan ini akan kekal dan tidak akan dihentikan.
34. PR-1411-L00208  
**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan progres pelaksanaan pembinaan jalan dari Ngungun ke Jagau, Kawasan DUN Ngemah, Parlimen Kanowit di mana peruntukannya telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan diserahkan perlaksanaannya kepada Kementerian Pertahanan di bawah Program Jiwa Murni.
35. PR-1411-L01244  
**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan antara lain memperuntukkan 10% penyertaan kaum India dalam menyertai sektor perkhidmatan awam. Apakah perancangan dan pelaksanaan Kerajaan bagi merealisasikan janji tersebut dan bilakah tempoh yang dijangka bagi menunaikan janji tersebut.
36. PR-1411-L00192  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan berlakunya penurunan harga barangan keperluan pengguna seperti dijanjikan sejak kadar sifar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) mula diperkenalkan.

37. PR-1411-L00741  
**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci status kelulusan lapangan terbang antarabangsa yang baharu untuk negeri Perak yang mana telah diumumkan oleh Kerajaan Perak pada tahun 2017. Berapakah kos yang dijangka terlibat dan siapa yang akan menanggung kos tersebut.
38. PR-1411-L00992  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status projek pembinaan Maktab Rendah Sains Mara di daerah Sik dan bilakah projek ini akan dimulakan dan dijangka siap.
39. PR-1411-L00182  
**Tuan Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah program FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) dalam usaha membeli hasil-hasil pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran di seluruh negara khususnya di kawasan pedalaman Sarawak.
40. PR-1411-L01345  
**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bangunan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Perak telah agak usang. Apakah Kerajaan berhasrat untuk membina bangunan yang baru.
41. PR-1411-L00920  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan terdapat pelabur asing menarik semula pelaburan mereka di Malaysia apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi meraih semula keyakinan pelabur.
42. PR-1411-L00545  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan orang yang telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah oleh SPRM sejak Pilihan Raya Umum Keempat Belas.
43. PR-1411-L00139  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengurangkan jumlah kakitangan awam terutamanya yang berstatus kontrak sebagai langkah penjimatan.

44. PR-1411-L00736  
**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor asing yang berkhidmat di negara ini dan dari negara mana serta:-
- (a) nisbah doktor dengan penduduk; dan
  - (b) nisbah doktor pakar dengan penduduk.
45. PR-1411-L00836  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status tuntutan balik harta Malaysia yang terlibat dalam kes 1MDB.
46. PR-1411-L00968  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam mewujudkan 1 juta pekerjaan berkualiti untuk memastikan wujud mobiliti sosial yang membolehkan lebih ramai warga kita menjadi golongan kelas menengah dan berpendapatan gaji minima RM1,500 seperti yang terkandung dalam manifesto Buku Harapan.
47. PR-1411-L01283  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai penutupan Biro Tata Negara dan lain-lain entiti yang telah ditubuhkan dan disalahgunakan bukannya demi kepentingan rakyat dan negara tapi demi kepentingan sesebuah parti politik.
48. PR-1411-L00641  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rangka strategik yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah lambakan cili import sehingga mengakibatkan kerugian kepada pengusaha cili tempatan dan adakah isu ini benar-benar berlaku.
49. PR-1411-L00004  
**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan setakat manakah proses pelaksanaan projek pembinaan Loji Rawatan Air Ke-2 telah dapat dilaksanakan. Bilakah tarikh terkini projek tersebut dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan isu bekalan air bersih di daerah Pitas berada dalam keadaan kritikal.

50. PR-1411-L00766  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini hasrat Kerajaan untuk meminda Akta Undang-Undang Sivil 1956 yang telah lama tertunda.
51. PR-1411-L01367  
**Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada rancangan untuk membina Ibu Pejabat Polis di Daerah Matu dan Daro di kawasan Parlimen P.207 Igan.
52. PR-1411-L00428  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional dan pendirian berkaitan penggunaan bahasa lain selain bahasa rasmi dalam urusan rasmi Kementerian yang sama sekali telah melanggar norma bahasa yang telah digunakan oleh Kerajaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.
53. PR-1411-L00513  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan polisi Kerajaan berkenaan dengan status mereka berikut yang tanpa kewarganegaraan (*stateless*):-
- (a) Kanak-kanak yang dilucutkan kerakyatannya semasa membuat kad pengenalan apabila mencapai umur 12 tahun kerana didapati mereka dianak angkat oleh ibu bapa dengan nama ibu bapa angkat dimasukkan dalam surat kelahiran mereka semasa kanak-kanak tersebut dilahirkan. Ibu kelahiran kanak-kanak tersebut sekarang tidak dapat dikesan; dan
  - (b) Kanak-kanak yang dilahirkan oleh ibu yang bukan warganegara Malaysia dengan bapa yang merupakan warganegara Malaysia sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan mengikut undang-undang Malaysia.
54. PR-1411-L00238  
**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca dan faktor yang menyebabkan berlakunya kerugian sebanyak RM6.09 bilion terhadap pelaburan yang dilakukan oleh KWSP dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memulihkan institusi tersebut.

55. PR-1411-L00481  
**Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kedudukan dan perkembangan pelaksanaan menaik taraf Jalan Balak Ulu Lemanak yang telah diluluskan pada November tahun 2017 dan Surat Setuju Terima (SST) pada Januari 2018.
56. PR-1411-L01062  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kementerian bagi menggalakkan belia tempatan terlibat dalam sektor perladangan.
57. PR-1411-L00124  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina satu stadium baru di Pekan Belaga dan membina satu lagi stadium di Kapit.
58. PR-1411-L00773  
**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kerugian ditanggung oleh KWSP kesan daripada kejatuhan saham-saham syarikat pelaburannya di Bursa Malaysia.
59. PR-1411-L01339  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hala tuju Akta Majlis Keselamatan Negara (Akta MKN). Apakah Kerajaan akan memansuhkan Akta MKN ini; atau melakukan penambahbaikan ke atasnya.
60. PR-1411-L00067  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan memandangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melaporkan bahawa Malaysia adalah terlibat secara langsung dalam peperangan di Yemen:-
- (a) asas penafian atas perkara tersebut baru-baru ini; dan
  - (b) sama ada Kerajaan merancang untuk memperbetulkan laporan UN tersebut.

61. PR-1411-L00573  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan Kementerian bagi mengawal dan menghalang kemasukan pendatang tanpa izin dan golongan ekstremisme daripada terus mencero bohi pintu sempadan Malaysia-Thailand ; dan
  - (b) adakah Kementerian akan membaik pulih kedaifan tembok dan pagar sempadan Malaysia-Thailand sepanjang 29KM dari Padang Besar di Perlis hingga ke Bukit Kayu Hitam di Kedah .
62. PR-1411-L00950  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kematian dan sebab kematian mengikut pecahan kaum, etnik dan jenis kewarganegaraan bagi setiap tahun dari 2008 hingga kini dan berapa ramai anggota polis telah disabitkan bersalah menyebabkan kematian di "lock-up" balai polis, penjara dan tahanan imigresen dan depoh imigresen .
63. PR-1411-L00153  
**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [ Mersing ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah kakitangan awam sama ada tetap, kontrak atau lantikan politik yang ditamatkan perkhidmatan setelah Kerajaan sekarang mengambil alih pemerintahan negara; dan
  - (b) nyatakan jabatan atau agensi yang telah dan akan dibubarkan serta jumlah penjimatan yang dapat dilakukan.
64. PR-1411-L00280  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan (pada tahun 2018) dalam usaha untuk menambah baik dan menaik taraf fasiliti atau kemudahan perkhidmatan kesihatan di Hospital Sibu dan Klinik-klinik Kesihatan di Sibu iaitu Klinik Kesihatan Oya, Klinik Kesihatan Lanang dan Klinik Kesihatan Sibu Jaya memandangkan banyak fasiliti di Hospital dan Klinik Kesihatan sudah rosak/tidak sempurna.

65. PR-1411-L00821  
**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kelewatan pelantikan Jemaah Menteri serta implikasi negatif yang dikenalpasti. Nyatakan tempoh pembentukan penuh Jemaah Menteri bagi setiap penggal pilihan raya.
66. PR-1411-L01026  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan penurunan harga saham di Bursa Malaysia selepas pembentukan Kerajaan baru.
67. PR-1411-L01245  
**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap Hishamuddin Rais yang telah menghina Yang di-Pertuan Agong (YDPA) di dalam blog beliau.
68. PR-1411-L00231  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan terhadap pembunuhan kejam pensyarah warga Palestin, Dr. Fadi M R Albatsh pada April 2018 yang lalu.
69. PR-1411-L00014  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan perkembangan terkini projek Pelabuhan Melaka Gateway dan Pelabuhan Pulau Carey.
70. PR-1411-L01311  
**Tuan Karupaiya A/L Mutusami [ Padang Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebarang rancangan oleh Kementerian untuk mengubah suai proses pelantikan syarikat pembekal ubat (contohnya mengadakan tender terbuka), agar menamatkan amalan buruk oleh Kerajaan lama yang memanfaatkan kroni sendiri.
71. PR-1411-L00243  
**Dato' Mansor Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi membantu usahawan kecil membangunkan perniagaan mereka dan juga memberi peluang kepada usahawan dari golongan tertentu seperti ibu tunggal, orang kurang upaya dan kumpulan asnaf.

72. PR-1411-L00099  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan terhadap aktiviti pembalakan yang dikesan berlaku di kawasan tadahan Ulu Muda, Kedah. Bilakah ia akan diwartakan sebagai kawasan tadahan air yang penting bagi negeri-negeri utara Semenanjung.
73. PR-1411-L00369  
**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik sekolah-sekolah yang masih belum mendapatkan CF (Sijil Menduduki) tetapi sudah beroperasi khususnya di negeri Kedah dan umumnya seluruh negara dan apakah perancangan Kementerian untuk menangani permasalahan ini.
74. PR-1411-L00387  
**Tuan Ali bin Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek penaikan taraf sekolah SK Abang Leman, Kabong, Sarawak.
75. PR-1411-L00704  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai rungutan-rungutan berkaitan jalan raya baru menjadi berombak-ombak keadaannya tidak lama selepas ianya disiapkan seperti Jalan Kubong dan Jalan Tuanku Syarif Kedah di Labuan. Adakah ianya disebabkan oleh "*underdesigned*" sebab peruntukan yang tidak cukup atau ada sebab lain.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (23 Julai, 2018)**

2. PR-1411-U(27)003  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

**[ Menteri Pendidikan ]**

3. PR-1411-U(27)004  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

4. PR-1411-U(27)005  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."  
**[ Menteri Dalam Negeri ]**
5. PR-1411-U(27)006  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**
6. PR-1411-U(27)007  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."  
**[ Menteri Kewangan ]**
7. PR-1411-U(27)008  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."  
**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

8. PR-1411-U(27)009

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

9. PR-1411-U(27)001

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

10. PR-1411-U(27)002

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 24.07.2018 (Selasa)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Pelaksanaan Kelas Gabungan Di Sekolah Kurang Murid (SKM) Sibu	1. YB Menteri Pendidikan
2. 24.07.2018 (Selasa)	2. YB Tuan Su Keong Siong (Kampar)	2. Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) Di 'Kampus West City Kampar' Yang Tidak Mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 Dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2015	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**